



KENYATAAN MEDIA CO-OPBANK PERTAMA
9 Oktober 2023

CBP SERTAI ICCMY2023 DI SEMPORNA, SABAH

1. Bagi menerapkan kesedaran tentang pencemaran ke atas ekosistem marin, Co-opbank Pertama (CBP) bersama masyarakat setempat dan kakitangan CBP telah menyertai Pembersihan Pantai Antarabangsa 2023 (ICCMY2023) di Pulau Selakan, Semporna, hari ini.
2. ICCMY2023 ini dianjurkan oleh Reef Check Malaysia dan mendapat kerjasama daripada Ecodistrict Association dan Luma' Selakan Eco Resort bersama penyelaras program, Stylo Events Sdn Bhd.
3. "Tujuan program ini diadakan adalah untuk menerapkan agenda United Nation dalam Pembangunan Mampan SDG17, iaitu komitmen negara melalui penglibatan sektor korporat dalam program ESG (Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir urus) bagi memastikan sasaran pengurangan impak pemanasan global yang berada diparas kritikal dan memberi kesan yang sangat signifikan kepada bumi seperti pencemaran, bencana alam dan kemusnahan alam sekitar.
4. "Melalui program seperti ini dapat memupuk kesedaran untuk komuniti prihatin mengenai kepentingan ekosistem alam sekitar dan sosio ekonomi yang menjadi sumber pendapatan masyarakat setempat," katanya, menerusi satu kenyataan, hari ini.
5. Tambahnya lagi, sebagai badan korporat yang menyokong agenda negara, CBP akan terus mengembangkan tenaga dan usaha untuk menyertai program yang melibatkan ESG bagi memastikan matlamat kelestarian alam sekitar terjaga dan terpelihara untuk kesinambungan generasi masa hadapan.
6. Selain aktiviti pembersihan pantai, CBP juga telah mencipta Seni Dinding Eco-Bricks daripada botol plastik hanyut.
7. Khairil Anuar turut berkata, CBP akan terus menyokong usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar di negara ini selari dengan tanggungjawab sosial korporat CBP.

-TERIMA KASIH-

Mengenai Co-opbank Pertama

Mengenai Co-opbank Pertama

Co-opbank Pertama (CBP) telah ditubuhkan pada 7 Jun 1950. Pada September 2014, CBP telah diiktiraf oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Bank Negara Malaysia sebagai sebuah co-opbank. CBP mempunyai 30 buah cawangan dan outlet Ar Rahnu di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. CBP menawarkan pelbagai produk perbankan patuh Syariah termasuk perkhidmatan Ar-Rahnu. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.cbp.com.my.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi

Jabatan Komunikasi Korporat, Co-opbank Pertama

ukk@cbp.com.my